

*Tarikh Dibaca: 19 MEI 2023M / 28 SYAWWAL 1444H*



# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

**“GURU BERKUALITI MELAHIRKAN  
GENERASI RABBANI”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "GURU BERKUALITI MELAHIRKAN GENERASI RABBANI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ : يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ عَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا

الْعِلْمَ دَرَجَتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
الْهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا  
اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
يَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>2</sup>

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Pada hari yang penuh keberkatan ini, marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala bentuk kemungkaran dan maksiat.

Bersempena dengan sambutan Hari Guru yang diraikan pada 16 Mei setiap tahun, mimbar masjid turut mengambil kesempatan

<sup>1</sup> Al-Mujadalah : 11

<sup>2</sup> ali-Imran : 102



membicarakan khutbah yang bertajuk "**GURU BERKUALITI MELAHIRKAN GENERASI RABBANI.**"

### **Hadirin yang dimuliakan,**

Menurut Tafsir Pimpinan ar-Rahman, rabbani bermaksud menyembah Allah SWT dengan ilmu dan amal yang sempurna. Justeru generasi rabbani ialah masyarakat dan murid-murid yang dididik pada hari ini dengan ilmu fardu ain yang berasaskan akidah, syariah dan akhlak yang dapat menyelamatkan daripada kemurkaan Allah SWT hasil dari didikan seorang guru yang mengamal ilmu yang disampaikan.

Dalam hal ini, Allah SWT telah menggambarkan masyarakat rabbani melalui firman-Nya di dalam surah Ali Imran ayat ke 79:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ  
لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِّي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّنِينَ بِمَا  
كُنْتُمْ تُعَلَّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ

۷۹

*"Tidak sepatutnya bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya kitab, hikmah (atau kebijaksanaan) dan kenabian, lalu dia berkata kepada manusia, "Hendaklah kamu menjadi penyembah-penyembahku selain Allah". Akan tetapi (hendaklah dia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang rabbani (yang hanya menyembah Allah dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu selalu mengajarkan (isi) Kitab Allah dan disebabkan kamu sentiasa mempelajarinya."*



## Kaum muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Guru insani boleh diterjemahkan sebagai satu usaha membangkitkan roh dan jiwa guru ke arah memartabatkan profesyen keguruan berasaskan Falsafah Pendidikan Guru. Ia juga memfokuskan kesediaan para guru mendukung aspirasi Falsafah Pendidikan Guru dengan memberikan penekanan kepada jati diri dan kenegaraan, roh dan jiwa guru serta pengetahuan dan kemahiran. Justeru Allah SWT telah menjanjikan satu kedudukan atau martabat yang tinggi kepada para guru yang telah dikurniakan ilmu pengetahuan, sebagaimana dinyatakan di dalam firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah ayat 11 pada permulaan khutbah yang bermaksud,

*“...Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman dalam kalangan kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan beberapa darjat; dan Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.”*

Guru merupakan pekerjaan yang mulia. Peranan guru yang mengolah tingkah laku manusia yang dianggap sebaik-baik kejadian, haruslah mematuhi etika profesyen keguruan yang telah digariskan. Menurut Imam al-Ghazali Rahimahullah, sifat idealistik terhadap profesyen keguruan termasuklah beriman, berilmu, beramal dan mendidik. Seorang guru merupakan insan profesional yang bertanggungjawab mendidik dan mengajar anak-anak didik dengan pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki, sama ada



secara formal mahupun secara tidak formal. Maka dengan peranan yang sangat mulia ini, anak bangsa hari ini atau generasi akan datang boleh dibentuk menjadi sebuah masyarakat madani yang menepati acuan Islam.

Dalam hal ini, Luqman al-Hakim pernah berpesan kepada anaknya, "Wahai anakku, duduklah bersama para ulama dan dampingilah mereka, kerana Allah SWT akan menghidupkan setiap hati dengan cahaya kebijaksanaan sebagaimana Allah menghidupkan muka bumi dengan hujan yang lebat turun dari langit." Justeru, dengan sifat insani para guru, maka anak-anak sepatutnya mendampingi mereka agar dapat dibentuk dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksaan dan menjadi manusia yang bersifat hamba kepada Allah SWT.

Hadis daripada Abu Umamah al-Bahili Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ حَتَّى النَّمْلَةَ فِي جُحْرِهَا، وَحَتَّى الْحُوتَ لَيُصَلُّونَ عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الْخَيْرِ.

"Sesungguhnya Allah SWT, para malaikat-Nya dan seluruh penghuni langit dan bumi, termasuklah semut di dalam sarangnya dan ikan di laut sentiasa mendoakan ke atas guru (yang mengajar) manusia kepada kebaikan."

(Riwayat al-Tirmizi).

**Kaum Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**



Islam telah menggariskan secara jelas kaedah yang boleh menyelamatkan umat manusia. Dengan merujuk surah Luqman, ayat 13 hingga 19, kita akan memperolehi garis panduan yang jelas untuk membina generasi baharu yang bersifat rabbani. Antaranya Allah SWT telah berfirman dalam surah Luqman ayat 13:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبْنِيهِ وَهُوَ يَعِظُهُ وَيَبْنَىَ لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرَكَ  
لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

*"Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya di waktu dia memberi pelajaran kepadanya, "Wahai anakku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya (perbuatan) mempersekuatkan (Allah) adalah satu kezaliman yang amat besar."*

Inilah asas kepada pembentukan watak perilaku manusia yang sejati. Tidak ada kemuasan yang paling besar melainkan dengan melakukan perbuatan syirik kepada Allah SWT. Justeru generasi yang diharapkan ialah generasi yang selamat akidahnya, mendirikan solat serta meninggalkan segala larangan-larangan Allah SWT.

### **Hadirin Jumaat yang dimuliakan,**

Warga guru yang beriman, beramal dan juga sebagai penyelamat ummah hendaklah bersifat dengan sifat-sifat berikut:



**Pertama:** Bersifat zuhud yang bermaksud tidak memikirkan soal penghormatan dan balasan atau habuan kebendaan, tetapi sebaliknya ikhlas mengharapkan keredaan Allah SWT.

**Kedua:** *Tazkiah an-nafs*, iaitu mempunyai jiwa yang bersih dan murni, bersih daripada segala bentuk penyelewengan akidah, syariat dan akhlak serta adat. Mempunyai keperibadian tinggi, tidak angkuh, riak, ujub dan segala bentuk sifat *mazmumah* yang tercela.

**Ketiga:** Mempunyai kehebatan dan kehormatan. Ini bermaksud mempunyai sifat rendah diri, mampu bergaul dan menangani murid serta mempunyai sifat keibubapaan yang penyayang.

**Keempat:** Kompeten, iaitu mempunyai kecekapan. Guru yang kompeten adalah tunjang utama kepada pencapaian akademik murid. Jadikan ilmu fardu ain iaitu akidah, syariah dan akhlak sebagai teras dan keutamaan kerana ia dapat menyelamatkan dirinya dan anak didiknya daripada api neraka.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada kali ini, sama-sama lah kita mengambil pengajaran dan ibrah seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa ilmu yang bermanfaat akan menyelamatkan ummah daripada api neraka.
2. Umat Islam yang menjadi guru hendaklah benar-benar ikhlas dalam mendidik keluarga, anak murid dan masyarakat.



3. Umat Islam hendaklah yakin bahawa kebijakan dalam mengajar ilmu pengetahuan menjanjikan pahala yang tidak akan terputus walau dengan kematian, bahkan selepas mati sekalipun, selagi ilmu tersebut dimanfaatkan oleh pemiliknya, pahala akan terus mengalir.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسَلَّوْا أَهْلَ الذِّكْرِ  
إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

*"Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui."*

(Al-Nahl : 43).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكَيْكَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتٌ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
الَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَواتِ



وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ  
الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعِينِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُور، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُور، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُؤْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلَغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).



Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرْضَ  
وَالشَّدَادِ وَالْمَحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِإِجَابَةِ جَدِيرٍ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.